

17 SEP 1999

Sukan-Luncur Udara (Laporan Khas)

CABARAN KINABALU '99 BUKTIKAN M'SIA BOLEH ANJUR KEJOHANAN DUNIA

Oleh: Jackson Sawatan

KUNDASANG, 17 Sept (Bernama) -- Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara, terbukti sebagai tempat yang amat sesuai bagi sukan luncur udara bertaraf dunia.

Kesimpulan ini dibuat oleh peserta-peserta antarabangsa selepas melakukan beberapa luncuran ujian sebagai persiapan bagi Kejohanan Jemputan Luncur Udara Malaysia "Cabaran Kinabalu '99 sejak semalam.

Mereka tahu kerana mereka-lah yang arif dalam sukan itu dan peserta-peserta handalan antarabangsa yang akan bertanding pada kejohanan dunia di Gunung Olympus di Greece tahun depan.

Nama-nama yang lazim dikaitkan dengan sukan itu ialah juara dunia Manfred Ruhmer (Austria) dan pemegang rekod dunia dalam luncur udara merentas udara wanita, Tove Heiney (Australia).

Tetapi mengapakah pengesahan daripada mereka begitu penting?

Ini kerana Malaysia telah menawarkan untuk menganjurkan kejohanan luncur udara dunia yang kedua pada 2003 di Gunung Kinabalu.

Timbalan pengerusi penganjur Cabaran Kinabalu '99 Lt Kol (B) Basir Abdul Rahman berkata para peluncur memberitahunya bahawa Gunung Kinabalu ialah tempat yang cukup sesuai bagi sukan itu.

"Para peluncur telah mencuba membuat luncuran di gunung itu dan mereka sukakannya," kata Basir.

Sebagai sebahagian daripada persiapan bagi acara itu, Basri sendiri mendaki gunung itu Jun lalu dan kemudian meluncur turun secara "paragliding" untuk memastikan sama ada kawasan itu sesuai bagi mengadakan sukan itu di sana.

"Paragliding adalah berbeza dengan luncur udara tetapi saya yakin bahawa pertandingan luncur udara boleh diadakan di sana," kata Basir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Cabaran Kinabalu itu esok. Dr Mahathir kini berada di Sabah untuk lawatan dua hari.

Peserta dikehendaki berlepas dari puncak selatan Gunung Mount pada ketinggian kira-kira 4,000m di atas paras laut dan meluncur di beberapa tempat di Kundasang sebelum mendarat di Kelab Golf Gunung Kinabalu, sejauh kira-kira 2,000m.

Mereka bersetuju bahawa apa yang membezakan Gunung Kinabalu daripada tempat-tempat lain bagi sukan itu ialah ketinggiannya.

"Ini sungguh menakjubkan kerana ia sungguh tinggi, di tempat lain, peserta boleh meluncur pada ketinggian 2,000 kaki (600m) tetapi di sini ketinggiannya ialah 6,000 kaki (2,000m)," kata Heiney.

Juara luncur dunia Ruhmer, 34, bersetuju: "Saya tidak berkaya bahawa ia lebih sukar di sini tetapi ia lebih tinggi di sini...ia amat sesuai, saya memang suka."

Peluncur Austria itu berkata Gunung Kinabalu bukan sahaja sesuai bagi pertandingan luncur udara tetapi juga luncur udara rekreasi sambil menikmati pemandangan yang indah.

Sukan luncur udara pada umumnya dibahagikan kepada kategori kelajuan dan rentas desa. Cabaran Kinabalu '99 ialah kejohanan luncur dengan kelajuan.

Orang yang dapat menjelaskan dengan baik mengenai speed gliding tidak lain tidak bukan ialah Murray Rose, naib presiden Federation of Aeronautics International (FAI) World Hang Gliding Series dan pencipta speed glider.

"Ia hampir sama dengan perlumbaan ski, cuma ia di udara dan cukup laju

ia ibarat perlumbaan formula satu. Mereka kadang-kadang boleh meluncur serendah 30cm dari tanah engan kelajuan 150 km satu jam," kata beliau.

"Yang paling pantas melintasi garisan penamat diisytiharkan menang," kata Rose yang mula menyertai sukan itu pada 1972.

FAI menugaskan wakilnya Noel Whittall untuk memantau perlumbaan itu anjuran bersama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd dan kerajaan negeri Sabah.

-- BERNAMA

JS ZUL ryn FAZ